



JENDELA

BULETIN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM

Bil. 4, Disember 1987



**SELAMAT
MENYAMBUT
TAHUN
BARU
1988**



UNTUK EDARAN KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN SAHAJA



Sekapur Sireh

Salam Sejahtera.

JENDELA bertemu para pembaca bagi keluaran terakhir untuk tahun 1987. Genap sudah dua tahun terbitan JENDELA. Secara ringkas, JENDELA mula diterbitkan pada bulan Disember 1985. Cik Lillian Woon telah menjadi ketua pengarang bagi keluaran itu. Dengan adanya buletin ini, sedikit sebanyak pembaca dapat mengetahui akan perkembangan kakitangan di dalam Perpustakaan tentang perkhidmatan, aktiviti-aktiviti sosial dan lain-lain lagi, seperti kata Encik Lim Chee Hong selaku penasihat JENDELA di dalam kata-kata aluannya di dalam terbitan pertama JENDELA.

Dengan itu JENDELA mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan "*Selamat Menyambut Tahun Baru 1988*" kepada semua kakitangan perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan "*Selamat Menyambut Hari Krismas*" kepada semua kakitangan yang beragama Kristian.

SELAMAT MEMBACA



KANDUNGAN


Rencana	2
Personaliti	6
Laporan	7
Berita ASTAKA	9
Sumber Ilham	10
Sudut resipi	11
Ucapan	12
Azam tahun baru	20



Sidang Pengarang



Aznan Omar (*Ketua Pengarang*)
Akhiar Salleh
Boey Fook Loong (*Grafik*)
Mary Vergis
Md. Noor Din
Norma Bahri
Sakinah Che Embi
Lim Chee Hong (*Penasihat*)



Penghargaan juga kepada

Cik Nazik Yusoff - Jurutaip
Puan Kalsoom Che Din - Jurutaip grafik
Encik Kamaruddin Bidin - Pencetak
Encik Ismail Abu - Pencetak

Penderma-penderma untuk ucapan Hari Krismas dan orang-orang perseorangan yang sama-sama membantu dalam penerbitan JENDELA keluaran ini.

PROJEK UNTUK MENGHIDUPKAN SEMULA PERPUSTAKAAN ALEXANDRIA PURBA

oleh

Lim Huck Tee

Dari 23 September hingga 4 Oktober 1987, saya telah dijemput oleh Unesco supaya pergi ke negara Mesir untuk memberi nasihat berkaitan dengan sebuah projek antarabangsa untuk menghidupkan semula Perpustakaan Alexandria Purba. Saya telah menjadi salah seorang daripada lima orang pakar perunding daripada beberapa negara di dunia ini yang dilantik untuk projek ini. Pakar-pakar perunding tersebut diberi tugas untuk:

1. Merancang perkembangan dan organisasi Perpustakaan ini.
2. Menyediakan pertandingan antarabangsa untuk merekabentuk Perpustakaan.
3. Menyediakan pelan untuk pengkomputeran Perpustakaan tersebut.
4. Memberi nasihat tentang penubuhan sebuah Sekolah Lanjutan Antarabangsa mengenai Teknologi Informasi di dalam Perpustakaan.

Perpustakaan Purba di kota Alexandria, Mesir merupakan Perpustakaan yang termasyhur di dunia purba dan telah ditubuhkan lebih daripada dua ribu tahun dahulu. Pada dua abad pertama, Perpustakaan itu menumpukan perhatian kepada pengumpulan warisan negara Greece. Selepas itu, tumpuan diberi kepada perkembangan ilmu di semua bidang termasuk perubatan, astronomi dan kejuruteraan. Mengikut sumber-sumber tertentu, Perpustakaan itu cuba memperolehi tulisan-tulisan semua bangsa. Telah pun dilaporkan bahawa pada suatu ketika koleksinya berjumlah beberapa ratus ribu.

Perpustakaan itu memainkan peranan di dalam pemeliharaan budaya dunia yang bertamaddun dan sebagai sebuah pusat penyelidikan dan pembelajaran. Oleh kerana penempatannya di Lautan Mediterranean di persimpangan jalan perdagangan dan komunikasi antarabangsa maka kota Alexandria menjadi "melting pot" (atau tempat bercampur) bagi tamaddun Greece, Mesir, Timor Tengah dan India, dan telah menarik cendekiawan daripada beberapa negara untuk mempelajari dan menjalankan penyelidikan di

situ. Malangnya pada awal abad ketiga A.D., Perpustakaan Alexandria telah dimusnahkan di dalam beberapa peperangan.

Pada tahun 1986, Kerajaan Mesir memohon bantuan Unesco untuk mengkaji kemungkinan menghidupkan semula Perpustakaan Purba itu. Matlamat utama bukan untuk mengumpulkan semula koleksi asal Perpustakaan itu, tetapi hanya menghidupkan semula konsepnya sebagai sebuah Perpustakaan yang meliputi semua bidang pengetahuan manusia moden supaya ia dapat menarik perhatian semula cerdik pandai di dunia moden ini.

Unesco telah bersetuju untuk memberi sokongan sepenuhnya dan telah mengambil beberapa langkah yang segera untuk mempercepatkan penubuhan semula Perpustakaan Alexandria itu. Langkah-langkah itu termasuk yang berikut:

1. Melantik beberapa orang pakar perunding untuk memberi nasihat dan merancang projek ini.
2. Membiayai lawatan tiga orang daripada negara Mesir ke perpustakaan-perpustakaan yang maju di Eropah.
3. Menggerakkan semua negara yang menjadi ahli Unesco untuk memberi sumbangan di dalam bentuk kewangan serta kepakaran dan sumber-sumber lain.
4. Cuba mendapatkan wang daripada UNDP, bukan sahaja untuk mengadakan pertandingan arkitek antarabangsa bahkan juga bagi membiayai peralatan, perolehan buku dan biasiswa bagi pustakawan yang harus diberi latihan.

Di samping itu, Kerajaan Mesir telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa di bawah naungan Presiden Mubarak untuk menyelaraskan projek ini. Universiti Alexandria yang menjadi penaja utama juga telah menderma sekeping tanah yang berharga lebih daripada US\$25 juta bagi projek tersebut.

18 November 1987

KONGRES SAINS MAKANAN DAN TEKNOLOGI SEDUNIA

oleh

Fawzia Dawood

Saya berasa sangat bertuah kerana dapat menyertai Kongres Sains Makanan dan Teknologi Sedunia yang ketujuh yang telah berlangsung di Singapura dari 28 September hingga 2 Oktober 1987. Kongres ini dikelolakan oleh Institut Sains Makanan dan Teknologi Singapura (SIFST), di bawah naungan Gabungan Antarabangsa Sains Makanan dan Teknologi (IUFOST).

Kongres ini telah dirasmikan oleh Dr. Lee Boon Yang, Menteri Negeri Singapura (National Development & Home Affairs) di Pusat Konvensi Bandar Raffles di Hotel Westin Plaza. Lebih daripada 50 ahli telah membentangkan kertas kerja mereka kepada seramai 800 orang peserta. Lebih kurang 100 orang peserta telah mengambil bahagian di dalam pameran tentang sains makanan dan teknologi di antaranya termasuk IFIS, PORIM, Kikoman, Waters, May & Baker dan lain-lain.



Saya menghadiri Kongres ini bukan hanya sebagai seorang peserta atau pemerhati sahaja tetapi telah mengambil bahagian di dalam pameran yang diadakan sempena Kongres itu. Saya sangat terhutang budi kepada Encik Lim Huck Tee yang telah mengundang saya dan Dr. Udo Schutzack, Pengurus Eksekutif IFIS, iaitu Perkhidmatan Informasi Makanan Antarabangsa yang telah membiayai segala perbelanjaan.

Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Lim Chee Hong yang telah banyak menolong saya di dalam pemasangan sistem DIALOG dan juga telah menyelesaikan segala perhubungan dan masalah yang telah saya hadapi sebelum dan semasa Kongres itu.

Tugas saya semasa Kongres itu ialah menjaga petak IFIS bersama Dr. Ernest Mann dari England serta menyelenggarakan segala pertanyaan talian dengan menggunakan pangkalan data Sains Makanan dan Teknologi. Di dalam seminggu itu saya telah menyelesaikan sebanyak 50 pencarian dan saya telah menolong Dr. Ernest Mann mendapatkan beberapa langganan FSTA, iaitu Abstrak Sains Makanan dan Teknologi. Pameran ini juga dibuka

kepada orang ramai dan pelajar-pelajar. Mereka telah menunjukkan minat di dalam cara-cara mendapatkan rujukan kepada sesuatu perkara yang tertentu melalui abstrak.

Penyertaan saya ini telah meluaskan pengalaman saya di dalam bidang sains makanan dan teknologi. Saya juga telah mempelajari banyak perkara daripada Dr. Ernest Mann yang mahir serta mempunyai cara yang semula jadi dalam perhubungan awam.



Personaliti

ROSNI HABIB

Hasil perkongsian hidup Ragnan binti Ismail dan Habib bin Talib, telah dikurniakan enam orang putera dan puteri. Anak ketiga daripada keluarga ini, Rosni atau lebih disenangi dengan panggilan Ros sahaja kini telah dewasa dan menjadi seorang gadis yang boleh dibanggakan.

Ros yang mendapat pendidikan sehingga Tingkatan Enam merupakan seorang gadis yang suka kepada kerja yang mencabar. Tidak hairanlah kalau beliau diberi kepercayaan sebagai Penyelia Pengeluaran, Penyelia Kawalan Mutu dan Penyelia Perancangan serentak di Statsym Sdn. Bhd. selepas dua tahun menjadi Penyelia Pengeluaran di Mostex. Walau bagaimanapun selepas dua tahun berkhidmat dengan cemerlang, Ros telah melepaskan jawatan tersebut atas sebab-sebab kesihatan. Selepas berehat beberapa ketika, Ros telah diterima sebagai Kerani Sambilan di Pejabat Perumahan Cawangan Taman Tun Sardon selama sembilan bulan sebelum ditawarkan jawatan sebagai Pembaca Pruf oleh Universiti Sains Malaysia.

Ros yang meminati muzik berirama sentimental, *Jazz* dan *Heavyrock* sebenarnya tidak suka menonton wayang. Masa lapangnya dihabiskan dengan membaca, mendengar lagu dan melakukan kerja-kerja tangan. Ros juga berminat di dalam hal masak-memasak, tetapi bagi sesiapa yang tidak tahan dengan masakannya yang pedas, hanya boleh menikmati nasi dengan lauk goreng sahajalah..... kerana masakan Ros semuanya pedas-pedas..... *lebih pedas lebih bagus.....* katanya.

Pembaca Pruf di Pejabat Penerbit Universiti Sains Malaysia ini sudah kena 'booked' atau lebih tepat lagi sudah diikat dengan cincin pertunangan. Tidak hairanlah bila ditanya tentang lelaki pilihannya, Ros menjawab ringkas..... *macam tunangan sayalah.....*

LAPORAN

Puan Norma Bahri, Penolong Pustakawan di Perpustakaan Media, Pusat Teknologi Pendidikan dan Media telah menjadi Penyelia Kumpulan Media, Latihan Pembiasaan Rancangan Sijil Teknologi Pendidikan semasa membuat lawatan ke Kuala Lumpur pada 2 hingga 7 November 1987. Lawatan telah dibuat ke tempat seperti berikut:

1. Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan.
2. Pusat Perkembangan Kurikulum.
3. Lincoln Resource Centre.
4. Perpustakaan Negara.
5. Sekolah Kebangsaan Petaling.
6. Sekolah Rendah Kebangsaan St. John.
7. Filem Negara Malaysia.
8. Radio Televisyen Malaysia.
9. Instituti Penyiaran Tun Abdul Razak.
10. Arkib Negara Malaysia.

Tujuan lawatan ini ialah untuk mendedahkan peserta-peserta dengan badan-badan/institusi institusi yang ada kaitannya dengan teknologi dan media pendidikan.

Cik Fawzia Dawood ke Singapura

Cik Fawzia Dawood telah menyertai Kongres Sains Makanan dan Teknologi Sedunia di Singapura dari 28 September hingga 2 Oktober 1987. Kongres ini telah dikelolakan oleh Institut Sains Makanan dan Teknologi Singapura, SIFST, di bawah naungan Gabungan Antarabangsa Sains Makanan dan Teknologi, IUFOST.

LAPORAN

Pertukaran Jabatan

1. Mustafa-Al Bakri Abd. Majid bertukar ke Jabatan Pendaftar pada 15 November 1987.
2. Catherine Loh Keat Lin bertukar ke Bahagian Senat Jabatan Pendaftar pada 15 November 1987.

Perlantikan Baru

1. Fazlina Mohd. Rouse - Penerbit USM - 1 Oktober 1987.
2. Norhashimah Hussain - Bahagian Automasi dan Penyelidikan - 1 Oktober 1987.

Pertukaran Bahagian

1. Zaharah Md. Jusoh - Jurutaip dari Bahagian Perolehan ke Bahagian Bahan-Bahan Bersiri dan Dokumen.

Kursus MINISIS

Encik Pang Siam Choong, Cik Rapeeah Ahmed dan Cik Mary Vergis telah menghadiri kursus MINISIS yang telah diadakan di Singapura pada 16 November hingga 4 Disember 1987. Mary Campbell, dari IDRC telah memberi syarahan dan bimbingan kepada sepuluh orang peserta yang mengikuti kursus itu.



BERITA ASTAKA

Pemilihan Tokoh ASTAKA 1987

Pada tahun ini ASTAKA bersetuju untuk memilih seorang yang betul-betul aktif di dalam aktiviti ASTAKA untuk dipilih sebagai Tokoh ASTAKA 1987.

Untuk tujuan itu satu Jawatankuasa Kecil Pemilihan yang dipengurusikan oleh Cik Fawzia Dawood telah dilantik. Jawatankuasa tersebut telah bersetuju untuk memilih Encik Teh Toh Seng sebagai "Tokoh ASTAKA 1987". Pengumuman tersebut telah dibuat oleh Cik Fawzia sendiri di dalam majlis makan malam ASTAKA yang diadakan baru-baru ini. Menurut Cik Fawzia, beberapa nilaitara-nilaitara seseorang calon itu telah dikaji terlebih dahulu. Antaranya ialah keahlian, pendirian, pergaulan, inisiatif dan personaliti. Terdapat enam orang calon yang terpilih di peringkat akhir dan cuma seorang sahaja yang didapati paling sesuai untuk tujuan itu. Perkara ini telah dicadangkan oleh Encik Mohd. Pisol pada satu masa dahulu dan didapati sesuai untuk diadakan pada setiap tahun. Menurut Cik Fawzia lagi beliau berharap pemilihan ini akan dapat diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang.

Tokoh ASTAKA 1987 - Teh Toh Seng

Encik Teh Toh Seng dari Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan telah dipilih sebagai "Tokoh ASTAKA 1987". Ini merupakan satu penghargaan yang tidak ternilai bagi dirinya.

Di dalam temubual wakil JENDELA dengannya baru-baru ini, beliau berkata, ia merasa sungguh terharu apabila diumumkan sebagai Tokoh ASTAKA 87. Pada malam yang bersejarah itu, beliau telah menerima pingat dan sijil penghargaan.

Encik Teh Toh Seng tidak menyangka bahawa beliau akan dipilih memandangkan lebih ramai lagi yang begitu aktif di dalam aktiviti ASTAKA. Katanya lagi, beliau telah mula bergiat di dalam ASTAKA sejak mula berkhidmat dengan perpustakaan ini lagi. Sejak dari tarikh itu beliau telah dipilih untuk memegang beberapa jawatan di dalam jawatankuasa ASTAKA khususnya seksi sukan. Beliau telah bergiat bukan sahaja di dalam Perpustakaan malah di luar Perpustakaan seperti terlibat di dalam pertandingan-pertandingan bola sepak dan bola tampar antara jabatan dan pusat pengajian.

Kegiatannya di dalam aktiviti-aktiviti tersebut merupakan satu dorongan yang kuat untuk menjayakan angkatan ASTAKA. Beliau juga berterima kasih kepada semua yang terlibat khususnya Jawatankuasa Pemilihan yang betul-betul memberikan kepercayaan yang sepenuhnya. Katanya lagi, kejayaannya merupakan kejayaan untuk semua orang.

Syabas

Sekali lagi ASTAKA menganjurkan majlis makan malam tahunan yang ke-15. Buat pertama kali ASTAKA mengadakan majlis tersebut di Hotel Merlin, Pulau Pinang, iaitu pada 12 Disember 1987. Sambutan kakitangan pada malam tersebut amat menggalakkan dengan berbagai acara seperti cabutan nombor bertuah, peraduan teka kacang, 'spot dance' dan berbagai lagi acara yang menarik. Lebih kurang 90 orang ahli telah hadir pada malam tersebut. Pada kebiasaannya sebelum majlis makan malam diadakan, pihak ASTAKA menganjurkan sukan antara kakitangan. Mereka yang mengambil bahagian dibahagikan kepada 3 kumpulan, iaitu Kumpulan A, Kumpulan B dan Kumpulan C. Acara yang telah dipertandingkan adalah bola sepak, bola jaring, hoki, karem dan sepak takraw. Pada keseluruhan pertandingan, Kumpulan B telah berjaya menjadi johan. Majlis pada malam itu tamat kira-kira pukul 11.30 malam.

Sumber Uham

SOUVENIR UNTUK SEBUAH NAMA

Waktu aku meninggalkan persisian
Detik pertemuan antara kita
Aku telah begitu mengerti
Kemesraan itu telah berlalu
Kerana di matamu
Telah tiada barang setitik
Warna cinta

Aku tak ingin juga mendendami
Walau kau meninggalkan aku
Tanpa sepatah bicara
Hanya di sini secebis Souvenir
Buat peringatan yang tulen
Lewat kenangan mesra
Tentang cinta kita

Mungkin telah cukup sekadar demikian
Aku mencatatkan beberapa patah kata
Untuk menenangi hati bila malam
Seakan-akan 'AKU PENDATANG' sebuah lagu
Yang telah kering iramanya
Menyanyi pada malam yang tertutup
Pada mesra

Souvenir ini untukmu
Bagai kijang emas
Yang dihadiahkan
Untuk Sita Dewi
Sebelum aku meninggalkan
Tatapi dan simpan kejap-kejap
Segugus rasa yang demikian pedih
Mengikat getar jiwaku

Zeey 87

INSAF

Kegelapan malam
Kesejukan suasana ... sunyi ...
Di bawah titisan embun ...
Berkelana aku seorang diri

Satu demi satu
Dairi kenangan
Menghantui ingatan
Menghantui perasaan

Sedih ... sayu menyusuk diri
Jiwa seorang kelana
Kini insaf membaluti kalbuku
Tentang alam jahiliah yang telahku lalui

Aku sedar
Bersih hati ... suci diri
Tanganku tadah
Rahmat Ilahi

Dalam keheningan
Dalam keshahduan ...
Namun titik-titik ... pilu
Kesal tak berlagu

Malam makin pekat
Gerimis makin lebat
Keinsafan ...
Menyucuk diri

MAINOR. A

Sudut Resipi

KEK COKLAT FUDGE

Bahan-bahan

- 2¹/₄ cawan tepung naik sendiri
- ³/₄ cawan mentega
- ¹/₂ cawan koko
- 1¹/₂ cawan gula halus
- 1 sudu teh esen vanila
- 3 biji telur kuning
- 1 cawan air sejuk
- 3 biji telur putih - dipukul

Cara-cara membuatnya

1. Pukul mentega bersama koko, kemudian campurkan gula sedikit demi sedikit
2. Pukul hingga naik, masukkan telur kuning diikuti dengan tepung dan diselang seli dengan air.
3. Kemudian campurkan telur putih yang dipukul tadi.
4. Tuangkan ke dalam tin pembakar dan bakar selama 30-35 minit.


BROWNIES COKLAT

Bahan-bahan


- ¹/₂ cawan mentega
- 1 cawan gula halus
- 2 biji telur
- 60 g coklat memasak Van Houten
- ¹/₂ cawan tepung naik sendiri
- ¹/₂ cawan walnut - dicincang

Cara-cara membuatnya

1. Pukul mentega dan gula hingga kembang.
2. Masukkan telur dan tepung.
3. Masukkan coklat memasak yang telah cair dan walnut.
4. Bakar di dalam tin yang telah dilapiskan dengan kertas sehingga tebal 2 inci.
5. Bakar selama 30 minit.




kepada
semua kakitangan
perpustakaan
beragama kristian





MERRY CHRISTMAS

daripada
sidang pengarang
jendela



perpustakaan usm





SELAMAT




**MENYAMBUT
HARI KRISMAS**




&

TAHUN BARU

**kepada semua
kakitangan
perpustakaan
beragama
kristian**



**daripada
Lim Huck Tee
&
Isteri**



selamat



**menyambut
Hari Krismas**

dan

Tahun Baru

**kepada
semua
kakitangan
perpustakaan
beragama
kristian**

**daripada
Fawzia
Noorizan
Rapeeah**







KEPADA
KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN
BERUGAMA
KRISTIAN







SELAMAT MENYAMBUT
HARI KRISMAS
&
TAHUN BARU





DARIPADA
KAKITANGAN PERPUSTAKAAN
CAWANGAN PERAK











Kepada Semua
Kakitangan
Perpustakaan
Beragama
Kristian



SELAMAT



MENYAMBUT
HARI KRISMAS
&
TAHUN BARU
DARIPADA
KAKITANGAN
BENGKEL JILID






selamat
merayakan
Krismas
dan menyambut
Tahun Baru 1988



daripada

Chang Siw Lai



selamat menyambut
Hari Krismas
dan
Tahun Baru 1988

daripada

R. Muniandy

Oorukku Ulaippavan Ravi
Kathal Mannan Kaliappan
Inspector Vijayasekaran

Keputusan Teka Silang Kata 3/87

Pemenang

Mohd Nasir bin Abu Hashim dari Bahagian Perolehan.
TAHNIAH!

UCAPAN

Bagi pihak ahli-ahli ASTAKA kami menyampaikan ucapan penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Makan Malam ASTAKA yang telah menganjurkan majlis tersebut dengan jayanya.

Selamat menyambut hari Krismas untuk semua kakitangan Kristian dan Tahun Baru 1988 kepada semua kakitangan Perpustakaan USM

daripada: Kiru dan Teh Toh Seng

MERRY CHRISTMAS
&
HAPPY NEW YEAR



*selamat
menyambut
hari krismas
kepada semua
kakitangan
kristian

daripada
kalboom che din*



UCAPAN

SELAMAT MENYAMBUT KRISMAS DAN TAHUN BARU 1988

daripada:

Lee Yin Yuen

SELAMAT MENYAMBUT KRISMAS DAN TAHUN BARU 1988

daripada: Angela Lau dan keluarga

SELAMAT MENYAMBUT KRISMAS DAN TAHUN BARU 1988

daripada: Mat Roni Abd. Rahman

Selamat menyambut Krismas dan Tahun Baru 1988

Daripada: Yvonne Rasen

SELAMAT PENGANTIN BARU



Selamat Pengantin Baru

JENDELA mengucapkan Selamat Pengantin Baru kepada

1. Mohd. Fadzil Bohari dan Noorizan Hassan - 9 Ogos 1987.
2. Siti Fatimah Hashim dan Roazman Samad - 1 November 1987.
3. Kamal Puteh dan Zauyah Saad - 8 November 1987.
4. Ramli Abd. Samad dan Zarina Mustafa - 22 November 1987.
5. Noor Azilan Nordin dan Rohani Nordin - 29 November 1987.
6. Norhashimah Hussain dan Zulkifli Mohd. Kassim - 13 Disember 1987.



TAHNIAH



Jendela mengucapkan
tahniah kepada
Encik Aznan Omar




dan



Puan Nor Shahibah
atas kelahiran
cahaya mata pertama
pada



6 Disember, 1987



Tahniah kepada
Aznan & Shiba

atas

kelahiran cahaya
mata yang pertama
pada 6.12.87

daripada
David Boey



TAHNIAH



Jendela mengucapkan
tahniah kepada
Encik Md. Noor Din




dan




Puan Nor Haniza
atas kelahiran
cahaya mata pertama
pada



15 Disember 1987





AZAM
TAYYIB
BAKHA
1988

Menyambung pelajaran, terutama di dalam bidang sains perpustakaan. Meningkatkan lagi produktiviti dan mutu kerja. Menambah pengetahuan tentang sains perpustakaan dan perkara-perkara am. - *Haliza*

hendak memastikan semua kerja di pejabat dapat dibersihkan dengan baik. Menguatkan iman. - *Aminah*

Mempertingkatkan daya usaha. Keluar dari Perpustakaan dan bekerja dengan lebih rajin. - *Abd. Jalil*

Mendapatkan seorang teman hidup. Melancong ke sana sini. Meningkatkan mutu kerja dan produktiviti di dalam waktu pejabat. - *Sharifudin*

Meningkatkan dan menambahkan pengalaman di dalam bidang pekerjaan. Menguatkan semangat untuk terus hidup agar dapat berbakti kepada kedua ibu bapa serta keluarga. Yang dicari belum ditemui.....-*Faridah Shahiran*

Untuk memperbaiki prestasi kerja dengan lebih memuaskan lagi, di samping merebut peluang-peluang latihan di dalam bidang pekerjaan yang diceburi. Mencapai matlamat hidup yang sempurna, serta mengikis sifat-sifat negatif. - *Abdul Aziz Razak*

Tingkatkan mutu perkhidmatan. - *Mohd. Nasir Abu Hashim*

Untuk menghabiskan matlamat 1988, terutama sekali pengkatalogan 'backlog'. Menyumbangkan lebih tenaga untuk kebajikan masyarakat. - *Masrah Hj. Abidin*

Nak kerja lain jika tamat kontrak. Saya sayang semua orang.

- *Rannah*

Hendak meningkatkan mutu kerja dan mencari pengalaman yang lebih. Kalau boleh untuk menjaga kesihatan sepanjang masa. - *Khatijah Hj. Din*

Meninggikan mutu perkhidmatan dan bekerja dengan penuh tanggungjawab. Berusaha untuk menjadi seorang penulis cerpen dan sajak yang terkenal. - *Omar Yusuf*

Cepat kahwin dan cepat dapat anak. Membantu kepada yang memerlukan bantuan. - *Kiru*

Meningkatkan prestasi kerja. Berjaya di dalam semua bidang. - *Ibrahim Naina*

AZAM TAHUN 1988